

24 FEB 2000

DAIM-BELANJAWAN

DAIM BENTANG SEMULA BELANJAWAN 2000 ESOK

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin akan membentangkan semula Belanjawan 2000 di Parlimen esok di tengah-tengah suasana pemulihan ekonomi Malaysia yang kukuh.

Antara petunjuk jelas mencerminkan pemulihan ekonomi adalah angka perdagangan yang mencatatkan lebih memberangsangkan sebanyak RM72.3 bilion tahun lalu daripada lebih RM58.4 bilion setahun sebelumnya berikutan pertumbuhan pantas dalam eksport berbanding import.

Pengembangan perindustrian juga bergerak selari dengan peningkatan Indeks Pengeluaran Perindustrian sebanyak 8.9 peratus tahun lalu daripada 7.2 peratus sebelumnya manakala jualan pembuatan Disember meningkat 30.7 peratus kepada RM24.4 bilion.

Sektor pembuatan berkembang sebanyak 11.9 peratus dalam 11 bulan pertama tahun lalu berbanding penguncupan 13.7 peratus pada 1998.

Sementara itu jualan kenderaan motor mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 76 peratus kepada 288,547 unit tahun lalu, mencerminkan peningkatan penggunaan di negara ini, di mana semua dicatatkan dalam suasana kestabilan harga.

Indeks Harga Pengguna Januari yang mengukur inflasi meningkat hanya 1.6 peratus berbanding dengan bulan yang sama tahun lalu.

Daim, pertama kalinya membentangkan Belanjawan 2000 pada 29 Oktober 1999, tetapi kemudiannya Parlimen dibubarkan berikutan pilihan raya umum pada 29 November tahun lalu.

Oleh kerana Parlimen sebelumnya tidak sempat meluluskan pelan pelaksanaan kewangan 2000, menteri kewangan perlu membentangkan semula belanjawan tersebut.

Daim, yang juga pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang menerajui langkah-langkah pemulihan ekonomi, dijangka membentangkan semula belanjawan yang sama seperti diumumkan tahun lalu pada 4 petang esok.

Bagaimanapun, kemungkinan terdapat sedikit perubahan terutama kepada unjuran pertumbuhan ekonomi negara di mana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 1999 yang diunjurkan pada 4.3 peratus mungkin disemak meningkat.

Hanya dalam minggu ini sahaja, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata KDNK Malaysia dijangka melebihi unjuran 4.3 peratus dengan penganalisis menyatakan ia mungkin lebih tinggi antara 5.3-5.4 peratus.

Pada 1998, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 7.5 peratus, yang seterusnya membawa kepada kemelesetan ekonomi.

Kemudiannya, kerajaan mengenakan kawalan modal dan menetapkan kadar pertukaran ringgit pada RM3.80 berbanding dolar Amerika dan menggunakan dasar pengembangan bagi merangsangkan aktiviti perniagaan.

Penawar ini, yang pada awalnya menerima kritikan hebat daripada pelbagai pihak akhirnya membuahkan hasil apabila KDNK pulih semula ke paras positif dalam suku kedua tahun lalu dengan pertumbuhan 4.1 peratus selepas penguncupan 1.3 peratus dalam suku pertama.

Dalam suku ketiga, pertumbuhan terus meningkat dengan pantas kepada 8.1 peratus yang sekaligus membawa semula keyakinan terhadap ekonomi Malaysia dan mengukuhkan kepercayaan terhadap langkah-langkah pemulihan pantas yang diusahakan oleh MTEN.

Daim juga dijangka mengumumkan angka KDNK suku keempat apabila membentangkan semula Belanjawan 2000 esok yang akan membawa gambaran

sebenarnya sejauh mana ekonomi telah meningkat pada 1999.

Daim berkata Belanjawan 2000 akan menyusun asas dan menentukan arah dasar dan strategi pembangunan negara untuk berdepan dengan cabaran di samping meraih peluang di alaf baru ini.

Beliau juga mencadangkan sejumlah RM78.03 bilion diperuntukkan bagi Belanjawan 2000, di mana ianya 19.9 peratus lebih tinggi berbanding jumlah asal yang dianggarkan bagi 1999.

Daripada jumlah ini, RM53.35 bilion dicadangkan diperuntukkan bagi perbelanjaan operasi dan RM24.67 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Dengan pendapatan dianggarkan pada RM59.9 bilion, keseluruhan akaun Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit RM12.97 bilion atau 4.4 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

-- BERNAMA

MR DVS ZK